

Adaptasi IR 4.0 bukan hanya setakat di bibir

BH ONLINE | Isnin, 23 Disember 2019 | 11:00am

Perkembangan semasa yang semakin bergerak ke arah Revolusi Perindustrian 4.0 (IR 4.0) menuntut segenap sektor hari ini beralih ke arah teknologi khususnya berasaskan automasi dan mekanisasi. Namun, apakah negara kita sudah benar-benar mengadaptasi revolusi terkini itu.

Benar IR 4.0 sering meniti di bibir ramai, namun hakikatnya negara masih jauh daripada sasaran itu. Seperti diperkatakan Pengarah Perkhidmatan Pekerjaan di Jabatan Tenaga Kerja Manusia (JTK) Semenanjung Malaysia, Mustaffa Kamal Bawahi, realitinya kita belum sepenuhnya menggunakan teknologi dinilai masih pada tahap 2.0 dan 3.0, malah Malaysia masih berorientasi tenaga buruh.



Jadi usaha menerapkan elemen IR 4.0 perlu dirancarkan. Jika dilihat sektor seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS) contohnya, belum beralih kepada operasi berasaskan digital, termasuk dalam aktiviti mudah seperti perakaunan mahupun pengurusan sumber manusia.

Kita percaya negara harus ambil peranan menyokong peralihan ini. Sektor berorientasikan tenaga buruh harus diberi lonjakan dan lebih ramai tenaga kerja untuk memenuhi keperluan revolusi harus digerakkan. Selagi pemikiran kita masih di takuk lama dan melihat pembaharuan sebagai ancaman, selagi itulah era baharu berasaskan digital atau robotik dianggap asing dan jauh untuk digapai.

Tegas tangani PPW ingkar

Cukup mengejutkan apabila Bahagian Kawalan Kredit Komuniti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dimaklumkan sukar untuk memantau operasi 4,292 syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berdaftar.

Melihat keadaan ini, tidak hairanlah PPW seperti tidak berminat mengikuti garis panduan ditetapkan KPKT, termasuk melalui penjenamaan semula syarikat kepada Kredit Komuniti. Bayangkan jika yang berdaftar pun tak dapat pantau, macam mana pula dengan PPW tidak berdaftar?